



## UCAPAN HARI GURU 2020

Pengerusi Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Takmir Pendidikan

En. Raden Muhd Imaduddin b. Radin Abdul Halim

Assalamualaikum w.r.t, Para pendidik seluruh institusi pendidikan ABIM yang dikasihi.

### Realiti Norma Baharu

Pastinya bukanlah suatu kebetulan, apabila Tuhan menetapkan tahun 2020, yang sepatutnya negara bertuah ini menyambut kejayaan Wawasan 2020, diuji dengan serba-serbi cabaran dan ujian sama ada dalam konteks kesihatan awam dengan penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia, dalam konteks politik dengan kegoncangan cabang eksekutif negara di peringkat persekutuan dan negeri, dalam konteks kestabilan ekonomi dengan indeks bursa Malaysia yang merudum teruk melebihi RM90 bilion ringgit kesan ketidakstabilan politik, dan sudah tentu dalam konteks pendidikan dengan penutupan semua jenis persekolahan dan perubahan sepenuhnya amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) kepada pembelajaran berasaskan rumah dan e-pembelajaran.

Dalam realiti ini, salah satu kesan besar akibat wabak Covid-19 ini adalah penangguhan sesi persekolahan dari awal Mac lalu sehingga ke tarikh yang belum ditentukan, malah ada kemungkinan dilanjutkan sehingga ke akhir tahun. Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga telah mengumumkan bahawa pentaksiran awam Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan Penilaian Tahap 3 (PT3) dimansuhkan pada tahun ini. Kesemua cabaran ini memerlukan kita memakai lensa baharu dalam memahami skala impak, khususnya kepada amalan kebiasaan pengalaman persekolahan kita, dan seterusnya mengambil langkah pantas untuk diadaptasikan kepada resam baharu, yang tidak pernah kita lalui selama ini, dalam konteks pendidikan, ini diistilahkan sebagai 'norma baharu pendidikan'.

Dalam latar yang serba mencabar inilah, saya melihat signifikannya tema Hari Guru yang diumumkan KPM pada tahun ini, iaitu 'Berguru Demi Ilmu, Bina Generasi Baharu' bagi membentuk semula paradigma kita sebagai kerangka asas dalam membina norma baharu pendidikan. Hakikatnya, usaha menggapai ilmu pengetahuan ini adalah suatu usaha yang amat mulia dan terpuji, malah satu jalan menuju Syurga Allah taala. Ini seperti yang ditegaskan baginda Rasulullah SAW:

"Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke Syurga." (Daripada Abu Hurairah RA, hadis Riwayat Muslim).

### Berguru Demi Ilmu

Namun, yang perlu kita cermati adalah pengalaman menggapai 'ilmu pengetahuan'. Yang dimaksudkan itu adalah ilmu yang bermanfaat demi mencari redha Illahi dan kesejahteraan kehidupan; ilmu yang memanusiaikan, dan mengutuhkannya kemanusiaan. Lantas, kita perlu menjauhkan diri kita, institusi kita dan masyarakat kita dalam mentaliti terobses dengan kecemerlangan akademik namun kehilangan roh, jiwa dan erti berpendidikan. Sesungguhnya, itulah tugas keguruan yang hakiki, iaitu meneruskan misi kerasulan, misi mencerdaskan dan mencerahkan umat daripada kejahilan (kegelapan) kepada (cahaya) kebenaran, seperti mana yang dinukilkan dalam surah At-Talaaq di bawah:

"(Dengan mengutuskan) seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) yang membacakan kepada kamu ayat-ayat Allah yang menerangkan kebenaran, supaya Allah mengeluarkan orang-orang (yang sedia diketahuinya akan) beriman dan beramal soleh - dari gelap-gelita (kesesatan) kepada cahaya (hidayah petunjuk)." (At-Talaaq, 65: 11)

Kuncinya adalah kepada sosok guru, dan institusi yang mana ruang keguruan itu berperanan. Sesungguhnya, guru adalah golongan ilmuwan yang bukan sahaja penyampai maklumat, malah jauh dari itu sebagai murabbi, penggerak kebangkitan Islam dan pencerah ummah. Sebagaimana yang disebut Murabbi kita, Ustaz Dato' Dr. Siddiq Fadzil ketika mengulas ayat 11, surah Al-Mujadilah, "Dalam

(bersambung di mukasurat 2)

## **(sambungan dari mukasurat 1)**

konteks perjuangan mengangkat martabat ummah (membina generasi baharu), tuntutan yang harus dilaksanakan ialah memenuhi dua syarat: membangun iman dan menyuburkan budaya ilmu. Tidak akan ada perubahan dan tidak akan terjadi nahdah (kebangkitan) dalam erti kata yang setulennya tanpa agenda gerakan berteraskan panduan dua nilai asasi – iman dan ilmu”.

### **Membina Generasi Baharu**

Pastinya, rangkaian jemaah WADAH-ABIM-PKPIM ini sangat beruntung ditakdirkan mewarisi kekuatan tradisi keilmuan yang dibina sejak awal oleh generasi pengasas, khususnya tokoh ikonik kebangkitan Islam di Malaysia, yang juga Presiden ABIM kedua, YB Dato' Seri Anwar Ibrahim. Menurut Ustaz Dato' Dr. Siddiq Fadzil lagi, “...andainya prestasi kepimpinan diukur daripada segi kejayaannya sebagai human *transformer* dan *culture builder*, Dato' Seri Anwar Ibrahim – tanpa ragu telah memenuhi kedua-dua kriteria tersebut. Justeru, beliau telah berjaya merubah sikap dan watak ribuan anak muda generasinya, dan sekaligus membina budaya baharu berteraskan ilmu, tidak hanya dalam kalangan warga gerakan yang dipimpinnnya, malah merentas ke tengah umat dan rakyat keseluruhannya. Tradisi penggabungan aktivisme-intelektualisme keagamaan yang beliau pelopori itulah yang kita warisi dan lestarikan sehingga ke hari ini.” Tugas mencerdas dan mencerah ini bukanlah suatu tugas yang mudah, malah tidak popular dan sifatnya pula berjangka panjang. Justeru, usaha guru dalam menanam asas-asas aktivisme dan intelektualisme berteraskan idealisme daripada TASKI sehingga ke SEMI amat kami hargai dan hanya Tuhan yang dapat membalasnya. Kita juga bertuah, disebabkan generasi awal ABIM menyedari bahawa jemaah ini perlu memberikan alternatif kepada sistem pendidikan massa. Lantas kita memberi fokus kepada pendidikan al-hikmah, dan usaha ini konsisten diteruskan pada hari ini sebagai model pendidikan ABIM dalam membina generasi al-hikmah. Namun, tahap evolusi dan penyerapan sistem pendidikan formal dan bukan formal institusi pendidikan kita masih mempunyai banyak sekali ruang untuk ditambah baik dan penuh berpotensi untuk dimajukan. Dengan cabaran seperti covid-19 ini, suatu lompatan sarjana *jump start* perlu dilakukan supaya evolusi boleh bertukar menjadi revolusi. Malah, sikap dan mentaliti purba yang semata-mata mengharapkan perubahan dari peringkat atas ke bawah (top-down) sepatutnya telah dikuburkan. Setiap pihak perlu lebih kreatif dan berani melakukan eksperimen perubahan, dan ini perlu dilakukan segera jika kita tidak mahu terus tenggelam dan menjadi pinggir.

### **Langkah ke hadapan**

Inilah masanya untuk kita mengeksperimenkan ruang digital dan pembelajaran berasaskan rumah (home-based learning) yang sifatnya pembelajaran sendiri, semi-formal dan berasaskan budaya setempat dalam menjelmakan pendidikan karakter, pendidikan dakwah, pendidikan alam sekitar, dan lain-lain sektor pendidikan ummatik yang tidak pernah dicapai dengan berkesan sebelumnya. Inilah masanya, kita melihat, menilai dan mengatur pembelajaran berorientasikan pertumbuhan kepada setiap anak didik kita.

Sesungguhnya, pemberdayaan umat perlulah bermula dari dalam diri setiap individu dan tidak terhenti sebatas otak, tetapi perlu merangkumi watak dan akhlak. Perubahan dalam diri (Al-taghyir al-nafsi) adalah prasyarat kebangkitan dan perubahan yang tidak dapat dikompromi. Misi merubah masa hadapan memerlukan kita membuat keputusan dengan serius berkaitan masa hadapan yang kita harapkan. Kita sebenarnya ada tiga pilihan, iaitu: kita boleh 'meromantikkan masa lalu' dengan harapan masa hadapan akan beradaptasi dengan masa lalu, yang mana kita maklum bahawa masa lalu amat berbeza dengan masa kini, dan pastinya berbeza pada masa hadapan, atau kita boleh menerima apa sahaja rupa bentuk masa hadapan dengan redha dan pasrah, dan berusaha untuk beradaptasi atas perubahan yang dipaksakan kepada kita, ataupun, kita yang mengaturkan rupa bentuk masa hadapan dengan menciptakan nilai yang strategik dan besar kepada umat. Walau apa pun pilihan kita, kita perlu ingat dan membuka mata untuk menilai bahawa kita perlu berubah.

Walaupun bagaimanapun, kita jangkakan banyak cabaran di sana-sini sepanjang proses bereksperimen ini, yang mana kita juga perlu menerima risiko berlaku kegagalan. Namun, *don't be afraid to fail, be afraid not to try*. Lantas, kita perlu perkukuhkan semangat dan saling berkerjasama, saling menyokong, dan menambah jaringan kepintaran dan sistem penyampaian. Kita juga perlu meraikan demokrasi peribadi, bakat lokaliti, perbaiki komunikasi, berikan kepercayaan, dan yang paling penting, sedar bahawa kita ini suatu gerakan jemaah Islamiyah, menyeru kepada kebaikan, mencegah kepada kemungkaran, dan beriman kepada Allah taala.

### **Khatimah**

Bersempena dengan ingatan Hari Guru pada tahun ini, fokus pembinaan generasi baharu atau generasi masa hadapan perlulah berasaskan nilai-nilai teras jemaah dalam erti kata, pemindahan nilai-nilai (transmission of values) dari satu generasi ke satu generasi sebagai esensi pendidikan jemaah; Berguru demi hakikat memanusiakkan manusia dan membina budaya baharu berteraskan iman dan ilmu. Saya, bagi pihak Yayasan Takmir Pendidikan dan kepimpinan jemaah WADAH-ABIM-PKPIM mendoakan agar semua guru dikurniakan kekuatan dan ketabahan dalam menempuh norma baharu pendidikan serta masa hadapan yang lebih mencabar, dan yang paling utama, agar kita semua diredhai dan dilindungi Tuhan.

Selamat Hari Guru  
15 Mei 2020

# UCAPAN HARI GURU 2020

## Ketua Pengarah Yayasan Takmir Pendidikan



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Tuan-tuan, puan-puan, warga pendidik dan murid-murid yang dikasihi sekalian, Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT. Kita memohon taufiq dan hidayah daripada Allah SWT supaya sentiasa melempahkan rahmat dan nikmat-Nya di bulan Ramadhan yang mulia ini bagi membolehkan kita semua meneruskan usaha mendidik generasi menjadi insan soleh dan mengangkat karamah insaniah dan sentiasa dalam lempah keredaan Allah. Selawat dan salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita semua sentiasa dalam limpahan rahmat Allah SWT. Pada kesempatan ini saya mengucapkan "Selamat Hari Guru" kepada semua warga guru di bawah naungan Yayasan Takmir Pendidikan ABIM yang bertugas di seluruh negara atas segala khidmat bakti mendidik anak-anak dengan setulusnya. Semoga Allah s.w.t mengurniakan mereka sebaik-baik ganjaran atas segala jasa baik yang telah disumbangkan.. Tema Hari Guru pada tahun ini, BERGURU DEMI ILMU, BINA GENERASI BAHARU telah dipilih oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Tema ini sangat bertepatan dengan aspirasi masyarakat yang menginginkan tradisi berguru dikembalikan pada kedudukan yang betul iaitu untuk menyempurnakan maratib ilmu sesuai dengan keperluan membina generasi baharu negara ini. Penyair dan sasterawan negara Dato' Usman Awang pernah mengungkapkan dalam puisinya "Berguru di padang datar, dapat rusa belang kaki, berguru kepalang ajar, bagai bunga kembang tak jadi." Ini membawa maksud apabila suatu ilmu tidak dipelajari bersungguh-sungguh, maka tidak akan mendatangkan manfaat dan hasil yang baik.

Dalam tradisi memperoleh ilmu, berguru adalah wasilah terpenting dan perlu terus dipertahankan walau pun dunia terus berubah dengan pelbagai wahana baru untuk mendapatkan ilmu. Pemerolehan ilmu secara berguru sangat penting untuk meraih barakah mendapatkan ilmu. Bagi tujuan tersebut, pendidikan menjadi wahana utama memperoleh ilmu dan menjadi paksi penting untuk menjadi katalis kepada perubahan diri, masyarakat dan negara. Pendidikan sewajarnya mampu membentuk cara manusia berfikir dan berperilaku dalam kehidupan. Kejituan cara berfikir dan pemikiran positif akan mendorong seseorang kepada kebiasaan berfikir dan selanjutnya membentuk tabiat berfikir yang positif. Seseorang yang memiliki tabiat berfikir yang positif akan melihat seluruh kehidupan dan lingkungannya sentiasa dalam perspektif yang betul dan luhur. Natijah daripada Pemikiran yang positif ini akhirnya boleh membuahkan pembentukan perilaku yang baik. Pada prinsipnya proses pendidikan hendaklah menyuburkan perubahan dimensi dalaman diri insan yang merangkumi jiwa dan minda serta otak dan watak. Namun demikian sistem pendidikan yang diamalkan sekarang sangat mengabaikan pembinaan sahsiah dan watak serta terlalu memberi tumpuan kepada membina otak iaitu terlalu memberi fokus kepada pencapaian akademik. Hasil daripada sistem pendidikan yang demikian maka kita telah melahirkan ramai generasi yang pintar dan berpelajaran tetapi kurang berpendidikan iaitu rendah nilai luhur dan akal budi. Kesannya kurang keberhasilan dan kemenjadian murid sebagaimana yang terungkap dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Kita sewajarnya menjadikan wadah pendidikan sebagai paksi membagunkan sumber kebaikan dalam diri setiap insan. Pembentukan insan yang baik diharapkan akan memberi kebaikan kepada orang lain dan mampu menginspirasi atau mengilhamkan orang agar menjadi baik. Oleh itu, fokus pendidikan yang kita dokong hendaklah bersifat sepadu dengan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan otak, watak dan akhlak.

Usaha ini adalah menjurus kepada menyuburkan pembentukan karekter atau watak dalam kalangan murid. Dalam konteks YTP kita berusaha memupuk dan menanamkan karekter dan sahsiah dengan memberi tumpuan kepada dimensi dalaman murid iaitu sabar, syukur, ikhlas dan redha. Begitu juga sifat luaran seperti kerjasama, tanggungjawab, amanah, rajin, berbudi bahasa, malu dan penyayang. Hasrat ini diharapkan dapat dijelmakan melalui orientasi baru dalam amalan mendidik melalui model pembelajaran bermakna dan berhikmah yang memberi tumpuan kepada pembangunan otak, watak dan sahsiah secara bersepadu. Transformasi amalan pendidikan masa kini telah mewujudkan naratif baru dalam pendidikan yang memberi fokus kepada pembelajaran berorientasikan perkembangan, pembinaan watak dan sahsiah, meningkatkan penguasaan KBAT, pembelajaran berpusatkan murid dan pentaksiran bilik darjah. Cabaran besar kita masa kini ialah mengubah paradigma pengajaran guru yang terlalu berpusatkan guru kepada berorientasikan murid. Kalau kita mengimpikan keberhasilan dan kemenjadian murid sebagai mana yang terungkap dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Al-Hikmah kita perlu memaksimumkan penglibatan murid dan murid terlibat aktif dalam pdp. Seajar dengan pembelajaran berorientasikan perkembangan, pdp guru harus dirancang supaya murid terlibat lebih aktif dan menjadikan pembelajaran yang dilalui bermakna kepada kehidupan murid.

Pembelajaran yang bermakna adalah suatu kegiatan yang menjadikan murid belajar dan apa yang dipelajari murid tersebut hendaklah mengandungi erti penting bagi dirinya sehingga menimbulkan minat dan bermanfaat dalam kehidupannya. Oleh itu pengetahuan asas apa yang dimiliki seseorang penting untuk menghubungkan apa yang akan dipelajari murid dan sesuai dengan keperluan mereka. Dalam prinsip pembelajaran yang bermakna apa yang dipelajari oleh murid haruslah bermanfaat bagi dirinya. Pembelajaran dikatakan bermakna apabila pembelajaran itu berorientasikan pengembangan potensi diri murid, yang meliputi aspek kognitif, afektif, dan psikomotor. Sesungguhnya pendidikan yang baik dan bermakna pada hakikatnya adalah pendidikan yang mampu mengembangkan seluruh potensi murid sesuai bakat, minat, dan kemampuan yang dimilikinya, sehingga apabila dewasa mereka boleh berjaya dalam berkeluarga, bermasyarakat, berbangsa, beragama dan bernegara.

*(bersambung di mukasurat 4*

Sebagaimana kita maklum bahawa 16 Mei adalah merupakan Hari Guru yang disambut oleh warga guru dengan pelbagai acara di setiap sekolah. Bagaimanapun dengan penularan wabak COVID-19 di negara kita, perayaan Hari Guru 2020 berubah sama sekali bentuknya, di mana sambutan oleh sekolah-sekolah dilakukan secara maya. Guru dan mereka yang terlibat meraikannya dengan cara menghadap komputer atau telefon pintar untuk mendengar amanat pimpinan sempena Hari Guru. Ini adalah satu contoh keadaan normal baharu kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat wabak COVID-19.

Dalam tempoh PKP di mana semua orang dikehendaki duduk di rumah atau *Stay at Home*, namun proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) masih dapat diteruskan melalui *on line learning* dan sebagainya. Para guru telah berusaha dengan pelbagai inisiatif untuk menentukan proses PdP terus berjalan walau pun menghadapi cabaran yang begitu besar yang tidak pernah dihadapi sebelum ini. Dalam era norma baharu dan pasca COVID-19, kita akan menyaksikan perubahan di seluruh dunia terutamanya dalam sistem sosial, ekonomi, kewangan dan tidak terkecuali sistem pendidikan. Dalam sistem pendidikan, ini adalah satu cabaran besar kepada para guru, pentadbir dan pelajar tentang bagaimana untuk mengendalikan sekolah bagi menyesuaikan keadaan dengan perubahan-perubahan yang berlaku ini.

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) hendaklah mengeluarkan SOP dan peraturan pengendalian sekolah yang lengkap lebih awal sebelum sesi persekolahan dimulakan pasca PKP, supaya pihak pengurusan sekolah dapat bersiap sedia dengan keperluan-keperluan yang ditetapkan. Setiap sekolah hendaklah mematuhi SOP yang dikeluarkan yang bertujuan untuk mengelakkan penularan wabak COVID-19 dari berterusan. Melalui SOP dan peraturan-peraturan yang ditetapkan kita berdoa kepada Allah semoga wabak COVID-19 akan tamat segera di negara kita dan proses pembelajaran anak-anak kita dapat berjalan dengan lancar.

**Samian Mohd Ali**

---

### **(sambungan dari mukasurat 3)**

Bagi memastikan legasi institusi pendidikan di bawah payung YTP terus cemerlang, kekal relevan, disanjung tinggi dan dipandang mulia, guru haruslah berusaha untuk meningkatkan tahap profesionalisme sendiri dengan menyertai latihan peningkatan keilmuan berterusan yang kita anjurkan dan oleh agensi lain untuk membantu meningkatkan kualiti sekolah, kualiti PdP dan kemenjadian murid agar modal insan yang dihasilkan akan bersifat holistik dan berupaya menghadapi cabaran masa depan sejajar dengan matlamat membina generasi baru. Iaitu generasi yang bermaklumat, berkemahiran tinggi, kritis dan kreatif, berkemampuan mengadaptasi, berhemah tinggi, mampu hidup bersama dengan harmonis dalam masyarakat dan berkeupayaan menyumbang kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara.

Justeru itu, kita sedang giat membangunkan contoh dan model aplikasi pembelajaran bermakna dan berhikmah. Usaha ini diharapkan boleh membantu guru mengoperasi pembelajaran bermakna dan berhikmah dengan pelaksanaan lebih berkesan pembelajaran berpusatkan murid. Pada waktu yang sama YTP juga sedang giat menatar dan memantapkan penyerapan Falsafah Pendidikan Pendidikan Al Hikmah dalam amalan guru.

Kita mengajak guru supaya sentiasa memikirkan soal keberhasilan murid dalam setiap pdp yang dilaksanakan. Oleh itu kita sepatutnya sentiasa merancang pdp yang memungkinkan sesuatu keberhasilan tinggi itu tercapai. Sehubungan itu kaedah pembelajaran berasaskan projek, pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran inkuiri dan pembelajaran berkonteks boleh menjadikan pdp lebih interaktif dan menyuburkan prinsip pembelajaran untuk kehidupan.

Kita berkeyakinan dengan komitmen yang tinggi, semangat berpasukan yang utuh dengan sentiasa bahu membahu menjunjung aspirasi jamaah yang tercinta mudah-mudahan cita-cita besar untuk kita membangunkan sekolah perjuangan yang mendokong misi umatik dapat kita sempurnakan.

Pengalaman menghadapi cabaran Covid 19 yang belum berkesudahan ini sangat mengesankan kita semua, betapa kerdilnya kita sebagai hamba kepada Pencipta Yang Maha Kuasa. Fenomena ini juga banyak mengajar kita tentang perlunya kita sentiasa bersiap siaga dengan pelbagai mekanisme memperkemas sarana pendidikan, memperkukuhkan sokongan dana kewangan dan keterampilan kepakaran tinggi serta amalan terbaik guru dalam pdp melalui pelbagai mod pembelajaran bagi mengemukakan formula-formula berkesan menangani cabaran tersebut.

Dengan semangat Ramadhan al Mubarak marilah sama-sama kita berdoa dan merafak sembah kepada Allah Subhanahuwataala mudah-mudahan dikurniakan kekuatan, kesabaran dan iltizam yang tinggi dan berterusan mendokong amanah mendidik generasi di bawah naungan Yayasan Takmir Pendidikan ABIM. SELAMAT HARI GURU BUAT SEMUA GURU-GURU. Wabillahitaufiq walhidayah. Wassalamualaikum wbt.

Hj. Mohd Musleh Yunos - Ketua Pengarah Yayasan Takmir Pendidikan  
16 Mei 2020/23 Ramadhan 1441H

## ABIM TEROKAI KEM MUHIBAH RENTAS AGAMA DAN BANGSA

Memantapkan sesuatu organisasi boleh dibuat melalui jaringan. Jaringan ialah hubungan kerjasama sebagai sesuatu yang dijalin. Kerjasama pula didefinisikan sebagai usaha bersama-sama atau saling bantu-membantu antara dua atau beberapa pihak. Jalinan kerjasama juga turut membawa maksud kolaborasi, permuafakatan dan perkongsian. Kolaborasi dan kerja berpasukan adalah sangat penting dalam kesatuan matlamat. Sesebuah institusi pastinya tidak akan wujud secara bersendirian. Oleh itu permuafakatan bersama masyarakat dan organisasi luaran penting dalam membawa kejayaan. Banyak perkara yang boleh dibuat dalam aktiviti jaringan dan jalinan. Antaranya ialah lawatan sambil belajar, mengadakan aktiviti tertentu seperti sukan, seminar motivasi, kerjaya atau pendidikan. Di samping itu pertandingan inovasi, perbarisan, bahas atau berbalas pantun boleh dilaksanakan. Pertemuan dan perbincangan yang dibuat akan meningkatkan jaringan dan jalinan.



Peserta sedang mempelajari tulisan kaligrafi Cina dan perbincangan dalam kumpulan.

Kem Muhibah merupakan salah satu aktiviti jaringan paling unik dijalankan oleh ABIM dan YTP kerana program ini merentas agama, bangsa, bahasa dan budaya. Penganjur program ini ialah ABIM dan Persatuan Sekolah Pendidikan Cina Dong Zong, disokong oleh YTP, Architects of Diversity (AOD), Projek Dialog, Persatuan Pelajar Islam Selangor (PEPIAS), Pusat KOMAS dan beberapa organisasi lain. Program ini dijalankan pada 13-15 Disember 2019 di SERI/SEMI Sungai Ramal dan Kolej Dar Al Hikmah, Kajang. Pesertanya seramai 77 orang yang merupakan remaja lelaki dan perempuan berumur 13-18 tahun. Mereka adalah pelajar sekolah menengah terdiri daripada 37 peserta Melayu, 25 peserta Cina, dan 15 peserta India. Pecahan mengikut sekolah adalah 26 pelajar dari SEMI ABIM, Sungai Ramal, Kajang, 23 pelajar Cina dari sekolah di bawah naungan Persatuan Pendidikan Cina Dong Zong dan 15 pelajar India dari sekolah tinggi vokasional. Manakala yang lain dari sekolah menengah kebangsaan dan terdapat seorang pelajar dari sekolah antara bangsa. Fasilitator yang terlibat seramai 22 orang terdiri daripada ahli-ahli badan penganjur.



Penganjuran Kem Muhibah dipengerusikan oleh sdr Radin Muhd Imaduddin B Radin Abdul Halim, Pengerusi Lembaga Pengarah YTP merangkap Naib Presiden ABIM, Timbalan pengerusinya ialah Tn. Hj. Abd. Rahman Mohd Yasin, Ketua Pengarah YTP dan En. Kong Wee Cheng mewakili JK Pusat Dong Zong. SEMI Sungai Ramal mengatur penginapan yang berasingan antara lelaki dan perempuan dan diletakkan dalam beberapa bilik darjah. Takmir Food and Catering merupakan penyedia makanan. Dalam program ini ketiga-tiga etnik bangsa belajar, makan, tidur dan melakukan aktiviti bersama-sama. Mereka cuba memahami dan berinteraksi antara satu dengan lain. Kesemua peserta dibahagikan kepada sembilan

kumpulan campuran lelaki dan perempuan dan setiap kumpulan diwakili oleh ketiga-tiga etnik kaum Melayu, Cina dan India. Salah satu aktiviti penting yang mereka lakukan ialah mengetahui dan melakukan sendiri beberapa budaya khusus ketiga-tiga etnik iaitu permainan gahang panjang, kompang, tulisan khat dan membuat ketupat dari etnik Melayu, tarian naga, kaligrafi Cina dan Gendang 24 Festival dari etnik Cina dan tarian India serta tulisan Tamil dari etnik India.

Program perasmian penutup disempurnakan oleh Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Selangor yang juga merupakan ADUN Kinrara, YB Ng Sze Han. Kem Muhibah yang dijalankan mendapat liputan luas akhbar The Star, portal Malaysiakini dan Free Malaysia Today. The Star mengemukan tajuk berita "Malaysia's lost unity" dan "Thumbs up for unity holiday camp", Malaysiakini dengan tajuk "Students get together in Muhibah Camp to overcome racial distrust", manakala Free Malaysia Today dengan tajuk "Jangan musnah keharmonian Malaysia, pelajar beritau pemimpin politik". Dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia, dikatakan bahawa inilah julung-julung kalinya kem seperti ini yang melibatkan sekolah agama dengan sekolah persendirian di bawah Dong Zong dilakukan. Secara umumnya, komen



Belajar tulisan tamil

(bersambung di mukasurat 6)

### **(sambungan dari mukasurat 5)**

sangat positif dalam kalangan peserta, yang kebanyakan mempunyai persepsi negatif atau acuh tidak acuh kepada kaum lain kerana tidak pernah diberi peluang didedahkan kepada program seperti ini sebelumnya. Mahu tidak mahu kita harus akur bahawa kehidupan bermasyarakat berbilang kaum di Malaysia, amat perlu kepada pendedahan seperti ini, untuk mengelakkan persepsi buruk, rasa kurang selesa dan stigma negatif antara kaum. Islam juga menggalakkan perkara ini untuk memahami realiti dan jati diri antara kaum. Sebab itulah terdapat konsep hidup bersama atau fiqh ta'ayusy yang sepatutnya difahami dan dihayati demi keharmonian dan kesempurnaan hidup pelbagai kaum di Malaysia.

Dalam kem ini juga satu survei telah dijalankan kepada peserta sebelum, selepas dan sebulan selepas kem dijalankan. Hasil survei telah dikongsikan dengan pemberita dalam satu kenyataan akhbar. Dapatan survei menunjukkan bahawa kem ini telah menghasilkan perubahan positif yang bermakna terhadap beberapa sikap dan perasaan yang diukur dan dicerap, seperti sikap terhadap kaum lain, kesediaan untuk hubungan lebih lanjut, dan berasa lebih terbuka kepada kaum lain. Pada kebiasaannya, beberapa isu tertentu dalam masyarakat tidak dijelaskan dengan tuntas kepada umum; dan masyarakat awam tidak diberi faham dan kurang diadakan dialog.



Perkara sebegini menyebabkan timbul persepsi berbeza, salah tafsir dan salah faham hingga menimbulkan rasa tidak senang, tuduh-menuduh, persepsi negatif dan tambah merenggangkan hubungan antara kaum serta gagal untuk mencapai hasrat supaya hubungan kaum lebih akrab dan saling memahami. Hal ini diungkapkan oleh YB Ng Sze Han dalam isu tulisan jawi di semua sekolah vernakular Cina dan Tamil. Menurutnya terdapat dua pandangan amat berbeza. Bagi komuniti Melayu, mereka berpandangan apa salahnya dipelajari,

namun komuniti bukan Melayu beranggapan tulisan jawi merupakan satu proses Islamisasi. Dikatakan isu ini timbul kerana tidak ada kepercayaan antara kaum dan ini adalah satu cabaran yang sangat besar bagi Malaysia Baru. Beliau juga berpendapat bahawa kem seperti ini amat penting untuk menyediakan wadah kepada anak muda supaya mempunyai sikap toleransi.

Sebagaimana yang pernah diungkapkan oleh Datuk Dr. Siddiq Fadhil, Pengerusi Majlis Istisyyari jamaah, memahami dan menghayati hidup bersama dalam kepelbagaian kaum di Malaysia mestilah ditangani dengan betul. Beliau tidak menggalakkan jaringan dan jalinan kerjasama melalui aktiviti sukan semata-mata, kerana sukan boleh membawa kepada bibit kurang sihat seperti pertengkaran, rasa tidak puas hati dan perkelahian, jika tidak ditangani dengan penuh disiplin dan penuh dedikasi. Acara lain seperti wacana, seminar, kelas bimbingan, pameran atau apa jua program kemasyarakatan yang faedahnya dapat dinikmati secara bersama boleh dilaksanakan bagi memupuk rasa mahabbah dan toleransi antara kaum. Sesungguhnya Kem Muhibah yang dijalankan ini telah membuka mata banyak pihak tentang masalah sebenar yang dihadapi oleh Malaysia yang penduduknya terdiri daripada pelbagai kaum. Kedua-dua pihak ABIM dan Dong Zong bersetuju supaya kem seperti ini perlu diulang untuk memberi peluang kepada golongan pelajar lain dan boleh disebarkan ke seluruh negara.

**Laporan : Hj. Abd. Rahman Mohd Yasin**

## **AL MARHUMAH HJH. FARIDAH ABD. HAMID (12 APRIL 1963 - 8 FEBRUARI 2020)**

Anak kelahiran Kedah ini memulakan kariernya di Maahad Tarbiah Islamiah Derang, Pokok Sena, Kedah sebagai tenaga pengajar dan membantu operasi perjalanan hariannya. Beliau dan rakan-rakan mendapat tarbiah langsung daripada Almarhum Ustaz Nikmat Yusof selaku Pengasas kepada Maahad ini.

Kemudian, beliau memulakan khidmatnya sebagai guru bagi subjek Pendidikan Teras Islam (PTI) di Sekolah Rendah Islam (SERI) ABIM, Sg Ramal Dalam, Kajang pada 3 Disember 1991. Mulai tahun 2002, beliau telah dipinjamkan untuk membantu operasi Kantin sekolah sehingga 31 Disember 2010. Beliau kemudiannya dilantik menjadi Pengurus Kantin SERI ABIM Sg Ramal Dalam secara sepenuh masa mulai 1 Januari 2011.

Beliau dikesan menghidap penyakit kanser payu dara tahap 4 pada Januari 2020 dan meninggal dunia pada 8 Februari 2020. Beliau meninggalkan seorang suami, Ustaz Hj. Khialdin Ahmad yang merupakan seorang mantan pensyarah dari Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan seorang anak lelaki yang bernama Luqman Hakim Mohd Khialdin.



Keberadaannya dalam agensi jamaah ini disenangi oleh banyak pihak dan sangat setia membangunkan agensi jamaah tanpa henti hingga ke akhir hayatnya. Semoga Allah SWT merahmati roh almarhumah dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Al fatihah.

**Laporan : Sirajuddin Sirat**



سَيُكْفَرُ بِكُمْ وَإِن كُنْتُمْ لَتَكْفِرُونَ  
 Selamat Hari Raya Aidilfitri  
 Maaf Zahir & Batin

**KURANGKAN RISIKO JANGKITAN COVID-19**

- Kerap cuci tangan menggunakan air dan sabun atau bahan pencuci tangan.
- Pakai penutup mulut dan hidung (mask) sekiranya bergejala.
- Kekalkan jarak sosial 1 meter ditempat awam.

PIHAK PENGURUSAN & WARGA PENDIDIK  
 SERISEN  
**MENGUCAPKAN**

*Selamat Hari Raya Aidilfitri*

MAAF  
 ZAHIR  
 BATIN

"Raihan Syawal Dengan Pemb Terindah"

Seluruh Ikhlas,  
 Warga  
 Sek Men Islam  
 Johor Bahru

**Salam Aidilfitri  
 Maaf Zahir Dan Batin**

*Selamat Hari Raya Aidilfitri 1441 H*  
*Minal Aidil Wal Faidzin*

Assalamualaikum wbt.

Seluruh warga Sekolah SRI Johor Bahru (SRIJB) menyusun sepuluh jari memohon kemaafan atas kekhilafan dan kekurangan kami, serta mendoakan kita semua terus bersemangat dan positif dalam menghadapi hari-hari yang mendatang.

"Dan Kami turunkan dengan beransur-ansur dari Al-Quran Ayat-ayat Suci yang menjadi ubat penawar dan rahmat bagi orang-orang yang beriman kepadanya; dan (sebaliknya) Al-Quran tidak menambahkan orang-orang (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian jua (Al-Isra':82)"

Seluruh Ikhlas,  
 Warga  
 Sek Sri Johor Bahru

*salam aidilfitri*  
 salam lebaran | maaf zahir batin

*Ikhlas Daripada*  
**Tn. Hj. Mohd Musleh bin Yunos**

KETUA PENGARAH  
 YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN  
 ANGKATAN BELIA ISLAM MALAYSIA

YAYASAN TAKMIR PENDIDIKAN ABIM

# DIGITALISASI PENDIDIKAN: ANTARA INOVASI DAN KEKANGAN

*Khailani A. Jalil*

## PENGENALAN

Tanggal 24 Jun 2020 menjadi tarikh penting kepada program pendidikan di Malaysia sama ada aliran perdana mahupun swasta apabila sekolah dibuka semula setelah semua program pendidikan diberhentikan sejak Mac 2020. Pandemi Covid19 telah memberi kesan langsung kepada eko-sistem sekolah yang melibatkan kejutan budaya, pengalaman dan kebiasaan baharu terutama dalam memastikan guru mengajar dan murid belajar. Guru tidak lagi bersemuka dengan murid dalam proses pembelajaran dan pengajaran (PdP), sebaliknya guru beralih kepada pendekatan maya.

## PENDIDIKAN SEMASA DAN PASCA COVID19

Konsep pembelajaran sudah berubah daripada pembelajaran bilik darjah biasa kepada pembelajaran maya, pembelajaran langsung kepada pembelajaran persekitaran dan bermakna. Manakala survival pendidikan pada musim covid19 pula ditentukan oleh kemahiran guru dan murid dalam digitalisasi semasa proses pengajaran dan pembelajaran. Yang pasti covid19 telah membuka laluan lebih luas untuk transformasi digital kerana sistem pendidikan terpaksa berhadapan dengan cabaran baharu yang tidak pernah terfikir sebelumnya. Cabaran baharu melibatkan proses pembelajaran jarak jauh antara guru dan murid lantaran *lockdown* (Perintah Kawalan Pergerakan, Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat, Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan), sedangkan proses pembelajaran mesti diteruskan dan pada waktu yang sama murid tidak wajar bercuti panjang tanpa aktiviti di rumah. Tanggungjawab kita adalah untuk menyantuni lebih 7,500 murid SERI, 1,300 pelajar SEMI, 3,500 pelajar Sri Tahfiz dan 7,200 anak-anak TASKI di seluruh negara.

Keadaan diluar jangka ini telah memaksa warga pendidik membiasakan apa yang kita katakan sebagai resam baharu (New Normal) dalam transisi pendidikan. Resam baharu pendidikan ini melibatkan 4 aspek berikut;

- Aspek ruang pembelajaran – daripada sekolah beralih ke rumah
- Aspek strategi pengajaran dan penyampaian – daripada bersemuka kepada secara dalam talian; daripada mass atau kaedah kuliah kepada “individualized”/“differentiated instruction”.
- Aspek peranan dan tanggungjawab – penglibatan aktif ibubapa dan ahli keluarga sebagai pembimbing
- Aspek pentaksiran – daripada peperiksaan kepada penilaian berterusan

## PENGAJARAN PEMBELAJARAN ATAS TALIAN

Isu yang timbul berikutan cuti panjang secara mengejut akibat pandemik covid19 adalah kesinambungan proses pembelajaran dan pengajaran. Semua pihak (seluruh dunia) tidak menjangka berlakunya *lockdown* dan ketika ini kita baharu menyedari tentang kelemahan kita dalam mencari alternatif pembelajaran selain bersemuka di bilik darjah. Tidak semua guru mahir menggunakan peranti dan mengajar secara maya, walaupun ada yang mahir dan boleh membimbing guru lain, prasarana pembelajaran maya yang kita miliki belum menyeluruh dan tidak memadai untuk mengupayakan PdP secara atas talian. Satu lagi kekangan yang terpaksa dihadapi oleh sebahagian guru dan murid di kawasan pedalaman adalah capaian internet yang tidak stabil sehingga mengganggu proses PdP kerana komunikasi maya kurang lancar. Pun demikian, kita terpaksa menghadapinya secara berdikit dan berperingkat. Laporan yang kita terima dari SERI, SEMI, TAHFIZ dan TASKI seluruh negara menunjukkan pada awal Mac, guru “takut-takut” untuk memulakan pengajaran secara maya, pada masa yang sama murid pula “segan-segan” untuk menghadap handphone atau laptop bagi mengikuti pembelajaran maya. Walaupun ada yang tampil hanya bertahan untuk jangkamasa yang amat singkat.

Pihak sekolah mengadakan inisiatif menggunakan kepakaran guru ICT sebagai penyelaras (helpdesk) untuk membimbing guru yang kurang mahir dalam menghasilkan bahan pembelajaran secara maya di samping tunjukajar perisian dan penggunaan program online sedia ada. Peningkatan penyertaan guru dan murid ini dapat dikesan pada pertengahan dan akhir Mac 2020. Pada Mei dan Jun didapati penggunaan pembelajaran secara online semakin meluas dan kira-kira 70 peratus murid melibatkan diri dalam interaktif pembelajaran bersama guru masing-masing. Antara program maya yang digunakan oleh guru adalah seperti Google classroom, google meet, zoom, webex, facebook live, video conference dan whatsapp chat. Malah ada juga laporan yang menyatakan guru memberikan tugas melalui



skype, quizzes dan utube.

Apa yang diberi keutamaan dalam tempoh perintah kawalan pergerakan ini adalah wujud interaksi dan komunikasi dua hala antara guru dan murid (dengan bantuan ibu bapa). Daya usaha ini dilakukan bagi memastikan wujudnya kesinambungan proses pembelajaran murid dan pengekalan motivasi belajar.

## **PEMBELAJARAN DI RUMAH DITERUSKAN SEPANJANG PKPP**

Walaupun sesi pembelajaran di sekolah dibuka semula pada 24 Jun 2020 tetapi hanya melibatkan kumpulan kecil iaitu kelas peperiksaan, sedangkan pelajar lain khususnya pelajar sekolah rendah masih belum ada tarikh bermula. Manakala TASKI telah dibenarkan beroperasi semula mulai 1 Julai 2020. Murid selain kelas peperiksaan masih perlu belajar di rumah masing-masing sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), namun semua guru sudah diarahkan untuk hadir dan kembali berada di sekolah bermula dari tarikh 24 Jun ini. Kehadiran guru ke sekolah ini penting bagi membolehkan penyelarasan pembelajaran maya lebih tersusun dan kepelbagaian kaedah pengajaran pembelajaran dapat diatitkan kepada pelajar yang belajar di rumah.

Kaedah pengajaran akan menjadi lebih meluas kerana guru dapat menggunakan kemudahan lain yang ada di sekolah termasuk menyediakan tugas murid dalam bentuk bahan bercetak yang boleh diedarkan kepada ibu bapa menggunakan kaedah pandu lalu. Pembukaan semua sekolah (sama ada pada akhir tahun 2020 atau tahun 2021) belum menjanjikan proses PdP berlaku secara normal dan selesa selagi vaksin corona virus masih belum ditemui. Pasca Covid19 akan menjadi semakin mencabar bagi guru dan pengurusan sekolah kerana S.O.P. penjarakan sosial (1 meter) tetap disyaratkan berlaku dan ia memerlukan kawasan dan ruang pembelajaran yang lebih luas; Bagi sekolah yang berbetulan mempunyai jumlah murid yang ramai dan ruang bilik darjah tidak mungkin boleh ditambah, strategi penggiliran atau pemecahan kelas terpaksa diambil. Keadaan ini memerlukan guru terpaksa mencari alternative untuk memastikan pelajar memperoleh hak pembelajarannya secara seimbang, menyeluruh dan maksimum.

Antara alternatif yang boleh dikemukakan adalah melalui pembelajaran teradun (blended learning). Pembelajaran teradun adalah amalan pengajaran yang menggabungkan mod pengajaran bersemuka secara tradisional dengan mod teknologi atas talian. Pembelajaran teradun lebih berpusatkan pelajar di mana pelajar boleh mengawal sendiri kadar pembelajaran mereka di samping boleh menggunakan pelbagai teknologi atas talian. Oleh kerana aplikasi pembelajaran teradun melibatkan pembelajaran dalam talian pada kadar 30% hingga 60%, maka guru perlu merancang aspek mana dalam subjek yang akan diajar secara bersemuka dan aspek dalam talian.

Pembelajaran teradun boleh dilaksanakan dalam 2 cara, iaitu Pembelajaran segerak dan Pembelajaran tidak segerak. Pembelajaran secara segerak dilaksanakan pada waktu Pembelajaran dan Pengajaran yang sebenar (real time) secara dalam talian. Manakala tidak segerak melibatkan pembelajaran yang tidak berlangsung secara real time. Pembelajaran secara tidak segerak lebih berfokus kepada pembelajaran sendiri. Guru akan memberi bahan atau tugas kepada murid dalam talian dan murid diberi tempoh masa untuk mereka membaca atau melaksanakan tugas. Murid diberi kebebasan untuk belajar mengikut kesesuaian masa masing-masing. Untuk tujuan rekod dan pengesanan, guru boleh menggunakan Learning Management System (LMS) seperti Schoology, Padlet, Moodle, Facebook atau pilihan lain yang lebih mudah adalah melalui Whatsapp dan Telegram.

## **JURANG DIGITAL MELEBARKAN JURANG PEMBELAJARAN**

Jurang digital antara satu kawasan dengan kawasan lain khususnya antara kawasan bandar dan luar bandar masih relatif tinggi. Syarikat telekomunikasi perlu bertindak inovatif dari segi perkhidmatan dan kemampuan memanfaatkan teknologi generasi baharu tanpa wayar 5G. Bagi kawasan capaian internet dan guru murid yang savvy teknologi, jurang digital tidak menjadi isu kerana komunikasi boleh dilakukan melalui pelbagai pakej program seperti zoom, webex atau paling kurangnya video call; malah perkhidmatan Netflix, Amazon dan Apple semakin berupaya menawarkan sistem komunikasi digital yang lebih pantas. Namun isu kelancaran komunikasi digital dan capaian internet yang tidak seimbang dan meluas sering menjadi kekangan dalam perkhidmatan pendidikan. Terlalu banyak faktor yang menyebabkan berlakunya jurang digital dalam kalangan pengguna pendidikan, antaranya termasuklah;

- i- Liputan atas talian tidak seimbang terutama melibatkan kawasan luar bandar
- ii- Peralatan peranti tidak terkini baik yang dimiliki guru atau murid
- iii- Tidak semua murid memiliki peralatan telekomunikasi
- iv- Kemahiran guru dalam menyediakan perisian atas talian untuk disajikan kepada murid
- v- Kemahiran murid terhadap untuk interaktif dalam pembelajaran
- vi- Kesiediaan emosi terutama murid untuk mengikuti pembelajaran maya dalam tempoh yang agak lama
- vii- Kurang kemahiran dan kesiediaan ibu bapa dalam melaksanakan bimbingan dan sokongan pembelajaran di rumah

Atas kekangan yang berlaku dalam realiti semasa dan mendadak, pembelajaran atas talian walaupun berlaku tetapi tidak seragam dan kurang menyeluruh. Kesan jangka panjang akan memungkinkan bertambahnya jurang pembelajaran murid bandar dan luar bandar, malah antara murid bandar dan bandar atau murid luar bandar dengan luar bandar.

## Tuan Syeikh Hj. Ghazali Abdullah

Seorang tokoh agama yang terkenal di Batu Hampar Pendang iaitu Haji Ghazali bin Haji Abdullah dilahirkan pada 12 Mac 1943 di Batu Hampar. Beliau merupakan Mantan Imam Masjid Batu Hampar Pendang. Beliau merupakan anak sulung daripada empat orang adik beradik hasil perkongsian hidup Haji Abdullah bin Haji Ismail dengan Hajjah Rahmah binti Haji Ibrahim. Ayah beliau merupakan Mantan Imam Masjid Kg. Huma Padang Hang. Tuan Syeikh Ghazali mendirikan rumah tangga bersama seorang isteri bernama Hajjah Sofiah binti Hasan dan dikurniakan lima orang anak lelaki dan seorang anak perempuan.

Beliau mula menuntut ilmu di Sekolah Kebangsaan Pendang dan dahulunya merupakan Sekolah Umum Pendang. Selepas itu, beliau menukar pengajian beliau ke Darul Ma'arif Wathaniah di Kepala Batas Seberang Perai, Pulau Pinang pada 1958 hingga 1963. Seterusnya, pengajian beliau diteruskan iaitu di Maktab Mahmud (Al Maahad Al Mahmud) Alor Setar, Kedah. Seterusnya beliau menyambung pengajian beliau di Nilam Puri iaitu Pusat Pengajian Tinggi Islam di Kelantan. Beliau dianugerahkan Diploma Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia di Maaktab Perguruan Pulau Pinang pada 1973.



Tuan Syeikh Ghazali memulakan kerjayanya sebagai guru agama di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Marak Bachok, Kelantan pada 1968 hingga 1969. Selepas itu beliau bertukar ke Sekolah Menengah Kebangsaan Salor Pasir Mas, Kelantan pada 1969 hingga 1971. Kerjayanya sebagai guru agama diteruskan lagi di Sekolah Menengah Perempuan St. George Georgetown, Pulau Pinang pada 1972. Selepas itu, beliau berkhidmat di Sekolah Menengah Padang Serai Kulim, Kedah pada 1973 hingga 1975. Perkhidmatan beliau diteruskan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sultanah Asma di Alor Setar, Kedah sebagai guru agama pada 1975 hingga 1976. Antara tahun 1977 hingga 1998, beliau berkhidmat di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang, Kedah. Beliau bersara wajib pada tahun 1998 di Sekolah Menengah Kebangsaan Pendang, Kedah. Tuan Syeikh Ghazali merupakan seorang daripada Ahli Jawatankuasa Penggubal Kurikulum Taman Asuhan Kanak-kanak Islam (TASKI) Abim Pusat. Beliau juga pernah menyandang jawatan Pengarah TASKI Abim Negeri Kedah dan Yang Dipertua Abim Negeri Kedah.



Tuan Syeikh Ghazali merupakan Mudir Sekolah Rendah Islam Islah Pendang dan pernah juga menyandang jawatan Penolong Kanan Madrasah Al Islah Pendang, Kedah. Beliau juga merupakan Sheikhul Al Maahadiah Maahad Tarbiah Islamiyah Derang Pokok Sena, Kedah. Seterusnya, beliau juga pernah menyandang jawatan sebagai Penasihat Persatuan Taman Asuhan Al-Quran zon utara Malaysia. Beliau juga Mantan Ahli Jawatankuasa penggubal soalan pemeriksaan dan penemudugaan Tauliah Agama Jabatan Mufti Negeri Kedah. Selain itu, beliau juga pernah menjadi tenaga pengajar pelajaran alTasawuf di Pusat Dakwaf Alor Setar. Beliau juga Pengerusi Majlis Guru Besar Sekolah – Sekolah Rendah Islam/Agama seluruh negeri Kedah (Bahagian Pelajaran Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah).

Tuan Syeikh Ghazali terlibat secara langsung dengan ABIM sebagai Yang Dipertua ABIM Pendang dan menjawat jawatan Yang Dipertua ABIM Kedah selama empat tahun. Beliau juga terlibat dengan Badan Kebudayaan pada tahun 1964 hingga 1965 di Maktab Mahmud Alor Setar, Kedah bersama dengan Almarhum Dato Seri Diraja Ustaz Azizan Bin Abdul Razak (Mantan Menteri Besar Kedah). Selain itu beliau juga terlibat dengan Jabatan Mufti dalam menyusun soal jawab pentauliah, dan sebagai pemeriksa kertas (Tauliah Fardu Ain).

*Laporan : Suhaili Hussin*

# Mengenali Sekolah SRI JOHOR BAHRU (SRIJB)


SRIJB ditubuhkan secara rasmi pada 3 Disember 1989 di Hartanah Waqaf Pendidikan Al Marhumah Tunku Ampuan Mariam Binti Almarhum Sultan Abu Bakar yang dirujuk sebagai Waqaf Tunku Ampuan Maryam (WTAM) yang terletak di No. 10, Jalan Abdul Rahman Andak, Johor Bahru. Dahulunya tapak ini merupakan tapak asal Kolej Tunku Ampuan Mariam (KTAM) yang diasaskan oleh Almarhumah Tan Sri Zainun binti Munsyi Sulaiman atau lebih dikenali dengan panggilan Ibu Zain. Tapak asal hanya mempunyai 6 buah bilik darjah, 2 buah kontena, dewan, kantin, gelanggang badminton dan sebuah bilik sukan. Setelah 6 tahun bertapak di kawasan ini, pelajar-pelajar Kolej Tunku Ampuan Mariam di bawah pentadbiran Jabatan Pendidikan Johor telah berpindah ke tapak bangunan sendiri di Taman Johor Jaya. Berikutan itu, atas kekurangan kelas dan sambutan yang menggalakkan daripada para penduduk setempat khususnya di Johor Bahru, SRIJB telah berpindah ke bangunan yang ditinggalkan oleh Kolej Tunku Ampuan Mariam. SRIJB telah diberikan hak sewaan selama 20 tahun mulai Ogos 1996 hingga 2016 melalui Majlis Jumaah Trustee Hartanah Waqaf Pendidikan Almarhumah Tunku Ampuan Mariam. Mengakui keperluan Tanah dan bangunan Waqaf Tunku Ampuan Mariam adalah waqaf yang dilafazkan oleh Yang Mulia Tunku Ampuan Mariam Binti Sultan Abu



Bakar pada tahun 1947 dan dimeteri niatnya di Mahkamah Persekutuan, pada tahun 2007 melalui Mahkamah Syariah, Hartanah Waqaf Pendidikan Almarhumah Tunku Ampuan Mariam tersebut telah diserahkan kepada Majlis Agama Islam Johor (MAINJ). Ini sejajar dengan enakmen undang-undang Islam negeri Johor di mana semua harta waqaf alih dan tidak alih di Negeri Johor mestilah didaftarkan dan diserahkan kepada MAINJ. Almarhumah Tunku Ampuan Mariam selaku pewaqaf telah mengikrarkan waqaf tanah dan bangunan itu untuk pendidikan tinggi wanita Islam negeri Johor khasnya dan Malaysia amnya. Pihak Lembaga Pengelola Sekolah telah melaksanakan hasrat pewaqaf dengan mengimarahkan Hartanah Waqaf ini sebagai Pusat

Sehenti Pendidikan Islam daripada peringkat taska, pra sekolah, sekolah rendah hingga ke peringkat menengah, seterusnya menyumbang kepada masyarakat selari dengan gagasan ke arah Johor Islami.

Sekolah Sri Johor Bahru merupakan sebuah institusi pendidikan rendah yang berdaftar dengan Jabatan Pelajaran Negeri Johor (JPNJ) dan Jabatan Agama Islam Negeri Johor (JAIJ). Walaupun SRIJB dikategorikan sebagai sebuah sekolah swasta, namun operasinya bukan berasaskan keuntungan. Dengan menggunakan Kurikulum Bersepadu iaitu Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) dan Kurikulum Sekolah Rendah Agama Johor serta pembangunan insan berasaskan nilai-nilai Pendidikan Al-Hikmah (PAH), kini telah mempunyai pengalaman hampir 30 tahun dalam dunia pendidikan.



*This building was known as Istana Mastika Embun when it was the residence of Tunku Ampuan Mariam. Prior to that, it was known as Sri Lalang when it was the home of Dato' Abdul Rahman bin Andak. The building is now occupied by the Islamic Primary School, Sri Johor Bahru School.*

Laporan : Suhaili Husin

## SUMBANGAN SALWA KEPADA GURU TASKI MALAYSIA

Tabung TASKI dilancarkan pada bulan Ramadhan tahun 2020 oleh SALWA WADAH mensasarkan kutipan sebanyak RM 100 ribu. Tujuan inisiatif ini dibuat adalah untuk membantu guru-guru TASKI yang terkesan semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

SALWA berperanan untuk melancarkan dan membuat kutipan tabung ini manakala pihak Yayasan Takmir-TASKI mendapatkan maklumat daripada semua TASKI mengenai status pembayaran gaji guru-guru TASKI yang terjejas daripada bulan Mac hingga Mei 2020. Data yang diperolehi dibentangkan dalam mesyuarat penyelarasan pertama yang terdiri daripada wakil pengurusan YTP, YTP-TASKI dan SALWA.

Pada 25 Ramadhan, SALWA telah menyerahkan wang kepada pihak YTP berjumlah RM 85 ribu dan mesyuarat penyelarasan kedua diadakan untuk mengagihkan sumbangan. Seramai 358 orang guru TASKI seluruh Malaysia telah menerima sumbangan antara RM 200 - RM 350. Wang sumbangan telah diberikan kepada TASKI atau terus kepada guru TASKI yang terjejas. Seterusnya ketua SALWA negeri dimaklumkan berkaitan senarai penerima sumbangan untuk memastikan sumbangan tersebut telah diterima oleh setiap guru TASKI yang layak.

*Laporan : Khairani Thanin*

### MUTIARA Hikmah

Wahai anakku! Tidak ada kebaikan bagimu untuk mempelajari apa yang belum kamu tahu sedangkan kamu belum beramal dengan apa yang kamu tahu.

(Lukmanul Hakim)

### Sidang Redaksi

#### Penasihat

Hj. Mohd Musleh Yunos

#### Ketua Editor

Hj. Samian Mohd Ali

#### Timb. Editor

Hj. Mohamad Khailani Jalil

#### Editor Kerja

Hjh. Nur Jannah Keman

Suhaili Husin

Khairani Thanin

Mohd Fitri Amir Shoodi

Muhammad Afif Rahimi

Che Abd Fatah Che M. Nor

Syahirah Zamasry

#### Susunatur Grafik

Khairul Anuar M. Ariffin

#### Penerbit

Yayasan Takmir Pendidikan

No. 21 Jalan 7/1B, Seksyen 7,

43650 Bandar Baru Bangi

Emel:

yayasantakmir@gmail.com

Tel: 03-89265853 / 03-89202308

Fax: 03-89201788



## USRAH PENYELIA TASKI BERSAMA SALWA

Pada 21 Mei 2020, Pn. Adibah selaku AJK Pusat SALWA telah mengambil inisiatif untuk mengadakan program usrah bersama penyelia TASKI seluruh Malaysia secara maya melalui medium Cisco Webex Meeting yang melibatkan ahli SALWA termasuk Prof. Madya Dr. Izura Udzir (Naib Presiden SALWA), Pn. Mahanom Basri (AJK Pusat SALWA), Prof Zuriati dan Pn. Badariah selain daripada pihak pengurusan YTP-TASKI dan 16 orang penyelia TASKI turut terlibat.

Tujuan usrah ini diadakan adalah untuk mewujudkan silaturrahim antara SALWA dengan penyelia dan guru-guru TASKI seluruh Malaysia. Pihak Yayasan Takmir-TASKI akan meneruskan usaha ini dari semasa ke semasa.

*Laporan : Khairani Thanin*

## HJ. MOHAMMAD ABU DAUD KEMBALI BERTUGAS DI YTP

Tuan Haji Mohammad Abu Daud telah kembali bertugas dengan YTP pada 15 Julai 2020. Beliau diamanahkan sebagai Pengarah Akademik dan R&D. Diucapkan selamat kembali bertugas kepada beliau, semoga keberadaan beliau didalam YTP dapat memperkukuhkan dan memperkasakan sistem pendidikan di institusi ABIM.



*Laporan : Samian Mohd Ali*

## MESYUARAT PENTADBIRAN TASKI YTP (MPTYTP) ATAS TALIAN

Pada 24 Jun 2020 (Rabu), Yayasan Takmir-TASKI telah mengadakan Mesyuarat Pentadbiran TASKI kali ke-3 yang melibatkan bahagian pengurusan dan penyelia TASKI seluruh Malaysia menggunakan medium Google Meet bermula jam 9.00 pagi – 12.00 tengah hari. Seramai 52 orang penyelia dapat turut serta dalam mesyuarat ini. Antara agenda utama mesyuarat adalah Taklimat Umum SOP KPM oleh Hj. Muhamad Khailani Abd. Jalil (Timbalan Ketua Pengarah), Taklimat SOP TASKI oleh Hj. Ishak Alishah (Pengarah TASKI), perkembangan terkini TASKI oleh Pn. Khairani Thanin (Timbalan Pengarah TASKI) dan seterusnya perbincangan bersama.

Mesyuarat ini bertujuan untuk memastikan semua pengusaha atau penyelia dapat memantau, membimbing dan menentukan supaya TASKI ABIM mematuhi peraturan dan SOP yang telah ditetapkan dengan teliti dan rapi supaya aspek keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan warga TASKI ABIM terjamin dan terpelihara, sebelum TASKI mula beroperasi yang dijangka pada 1 Julai 2020.

*Laporan : Khairani Thanin*



## PEMANTAUAN SOP PKP PASCA COVID-19 DI TASKI

Yayasan Takmir-TASKI telah menjalankan pemantauan SOP PKP pasca COVID-19 ke 9 buah TASKI di sekitar Lembah Klang pada 1 hingga 10 Julai 2020 untuk memastikan semua TASKI dapat mematuhi SOP pembukaan tadika swasta yang bermula 1 Julai 2020. Pihak pengurusan terutamanya semua pengarah Yayasan Takmir terlibat dalam pemantauan ini. Antaranya ialah Hj. Mohd. Musleh Yunos (Ketua Pengarah YTP), Hj. Muhamad Khailani Abdul Jalil (Timbalan Ketua Pengarah), Hj. Samian Mohd. Ali (Pengarah Pentadbiran dan Kewangan), Hj. Ishak Alishah (Pengarah TASKI), Hj. Mohd. Naim Mohd. Noor (Pengarah Kaderisasi), Pn. Nurjannah Keman (Pengarah Latihan), Pn Khairani Thanin (Timbalan Pengarah TASKI), Sdr. Mohd. Azuan Mohd. Fauzi (Peg. Eksekutif) dan Sdr. Che Abdul Fatah Che Mohd. Nor (Peg. Eksekutif).

Sembilan buah TASKI yang dipantau adalah TASKI Al-Hikmah Sg. Ramal (1 Julai 2020), TASKI Bestari dan TASKI Saidatina Maimunah Kajang (3 Julai 2020), Pra Bestari Seremban (6 Julai 2020), TAHFIZ dan TASKI Bandar Enstek (7 Julai 2020), TASKI Khalifah Bestari Puchong Utama dan TASKI Bestari Mawaddah Saujana Puchong (8 Julai 2020), TASKI Bonda Bestari Semenyih Parklands dan TASKI Bonda Bestari Ecohill Taipan (10 Julai 2020).

*Laporan : Khairani Thanin*



**TASKI AL-HIKMAH SG. RAMAL**



**TASKI KHALIFAH BESTARI PUCHONG UTAMA**



**TASKI BESTARI KAJANG**



**TASKI BESTARI MAWADDAH SAUJANA PUCHONG**



**TASKI SAIDATINA MAIMUNAH KAJANG**



**PRA BESTARI SEREMBAN**



**TASKI & TAHFIZ BANDAR ENSTEK**



**TASKI BONDA BESTARI SEMENYIH**

## MAJLIS PENGURUSAN YTP (MPYTP) KHAS PASCA COVID 19

Majlis Pengurusan YTP (MPYTP) Khas Pasca Covid 19 diadakan dengan jayanya pada 22 Jun 2020 di Kolej Dar Al-Hikmah, Kajang, Selangor. Majlis ini dihadiri oleh 46 orang terdiri daripada pengurusan kanan YTP Pusat, Ketua Pegawai Eksekutif, Pengetua, Guru Besar dan Guru Penolong Kanan 1 SERI/SEMI ABIM seluruh negara. Ucapan pembukaan Tn. Hj. Mohd. Musleh b. Mohd. Yunos, selaku Ketua Pengarah YTP menegaskan, dalam mendepani naratif pendidikan era COVID 19 semua sekolah hendaklah mematuhi *Standard Operational Prosedur* (SOP) pembukaan sekolah yang disarankan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Pilihan mod buka sekolah sama ada mod biasa, dua sesi atau penggiliran diberi kuasa autonomi kepada pihak



sekolah bergantung kepada kapasiti sekolah, bilangan murid dan kemudahan infrastruktur. Beliau juga memaklumkan pihak jemaah WAP dan YTP telah mengusahakan bantuan kepada institusi rangkaian sekolah YTP melalui kutipan tabung SALWA sebanyak RM80,000.00 kepada TASKI seluruh negara, RM21,000.00 daripada Tabung Kasih untuk kebajikan guru-guru SERI/SEMI/TASKI dan SRI Tahfiz serta sumbangan-sumbangan lain. Beliau menegaskan tanggungjawab kita adalah untuk menyantuni lebih 7,500 murid SERI, 1,300 pelajar SEMI, 3,500 pelajar SRI TAHFIZ dan 7,200 anak-anak TASKI di seluruh negara. Saranan kepada ahli majlis agar dapat membimbing guru-guru supaya guru-guru dapat menyuburkan amalan mendidik untuk mencapai matlamat membina generasi baru iaitu generasi yang bermatlamat, Generasi yang berkemahiran tinggi, kritis dan kreatif, berkemampuan mengadaptasi, berhemah tinggi, mampu hidup bersama dan menyumbang kepada keharmonian keluarga, masyarakat dan negara. Sehubungan dengan itu pelaksanaan Pendidikan Al Hikmah dan Pembelajaran Bermakna dapat dijalankan dengan baik. Beliau mengajak guru-guru agar sentiasa memikirkan soal keberhasilan murid dalam setiap PdPc yang dilaksanakan. Pendidikan Al Hikmah menjadi payung dan landasan utama kepada kerangka besar dan platform mencapai matlamat unggul melahirkan insan soleh dan musleh.

Tn. Hj Muhammad Khailani Abdul Jalil, Timbalan Ketua Pengarah YTP memberi taklimat persediaan buka sekolah – S. O. P. Pasca COVID 19 iaitu Kelas Peperiksaan Sekolah Menengah (SEMI) Ting 5-6 dibuka bermula 24 Jun 2020, TASKI pada 1 Julai 2020, SERI pada 15 Julai 2020 (Tahun 5 & 6 dan Ting. 1-3) dan 22 Julai (Tahun 1-4). Manakala guru-guru mula bertugas pada 24 Jun 2020. Beliau juga memberi maklum tentang amalan dan pelaksanaan Kurikulum secara berperingkat mengikut arahan KPM dan menyediakan jadual waktu anjal. Pengetua dan Guru Besar disarankan agar dapat memperhalusi panduan S.O.P oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dengan rujukan kepada Panduan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pihak sekolah diberi kuasa untuk menentukan amalan selamat dan teratur di lokasi dan premis masing-masing. Sekolah ABIM yang unik ini diharapkan dapat disantuni dengan baik.

Pn. Hjh. Rohana Kamaruddin memberi penerangan tentang standard kurikulum yang perlu didahulukan dalam PdP maya dan bersemuka, menetapkan bilangan jam matapelajaran untuk tahun akademik, cadangan mengabungkan dengan matapelajaran lain dalam kerja projek dan guru-guru disarankan agar dapat menentukan PdP yang sesuai pasca Covid 19 ini.



Pn. Rafidah Ruhani, pensyarah IPGK, Ilmu Khas, Kuala Lumpur memberi input tentang Pengajaran dan Pembelajaran: Norma Baharu. Beberapa perkara perlu diambil perhatian mengenai ruang pembelajaran daripada sekolah ke rumah, strategi pengajaran dan penyampaian daripada *face to face* kepada secara dalam talian, daripada kuliah kepada *individualized/differentiated insruction*, peranan dan tanggungjawab aktif ibubapa dan keluarga. Dari aspek pentaksiran Peperiksaan kepada penilaian berterusan PdPc boleh dijalankan melalui pendekatan pembelajaran Teradun (*Blended Learning*), pembelajaran secara segerak (*synchronous*), berlaku pada waktu PdP sebenar (*real time*) secara dalam talian seperti melalui Facebook live, Instagram live, video coference, Whatsapp chat, Voice Note, YouTube Live, Google Meet, Zoom, Skype dan lain-lain. Manakala pembelajaran Secara Tidak segerak (*asynchronous*), tidak berlangsung secara *real time*, lebih berfokus kepada pembelajaran sendiri. Guru akan memberi bahan atau tugas dalam talian dan murid diberi tempoh masa untuk mereka baca atau melaksanakan tugas. Murid diberi kebebasan untuk belajar mengikut masa mereka.

Laporan : Nur Jannah Keman